

BAB SATU

PENDAHULUAN

1. 0 Pengenalan

Teknologi maklumat terutama komputer telah banyak mempengaruhi kehidupan masyarakat dan individu. Pengetahuan tentang teknologi telah menjadi satu keperluan untuk menjamin kejayaan seseorang individu. Penggunaan komputer di dalam masyarakat telah meningkat secara tiba-tiba sejak kebelakangan ini. Penggunaan komputer tidak lagi terhad di universiti, makmal penyelidikan dan koprat-koprat besar sekitar 1970 - an tetapi sudah menembusi bilik darjah sekolah rendah, hingga ke peringkat universiti. Komputer telah menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian kita.

Komputer boleh digunakan untuk pelbagai tujuan dan dalam banyak lapangan. Penggunaan komputer di kalangan pelajar dijangkakan dapat meningkatkan pengetahuan dan pencapaian pelajar-pelajar.

1.1 Komputer Dalam Pendidikan

Dunia pendidikan ada mengalami perubahan yang ketara hasil perkembangan teknologi. Kepentingan teknologi dan penggunaan komputer dalam era komputer telekomunikasi Dunia pendidikan tidak boleh lari daripada perkembangan teknologi komputer dan telekomunikasi. Para pendidik telah mula menyedari bahawa komputer amat sesuai menjadi perantara berkesan dalam mempertingkatkan proses pengajaran dan

pembelajaran. Penggunaan komputer dalam pendidikan dan kebolehan pelajar menggunakan secara berkesan merupakan satu perkara yang sangat perlu dalam mana-mana sistem pendidikan.

Para pendidik mulai sedar bahawa penggunaan komputer mempunyai kesan yang besar dan bermakna terhadap kualiti pengajaran dan pembelajaran. Walaupun pada asasnya, komputer melakukan apa yang kita dapat lakukan, tetapi dalam keadaan yang lebih baik. Ini bermakna penyediaan pengajaran dan pembelajaran dapat dilakukan dengan lebih cepat dan sistematik dengan bantuan komputer. Kemudian penggunaan komputer boleh menambahkan kecenderungan untuk belajar berbanding cara media cetak dan media bukan elektronik yang lain.

Perkembangan semasa yang berlaku di sekeliling kita menyebabkan guru-guru lebih peka terhadap menguasai, dan mengetahui sesuatu bidang baru supaya guru dan juga pelajar tidak ketinggalan daripada menguasai arus perkembangan dunia.

Sebagai asas ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020, sebagaimana disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seharusnya diperlukan suatu Falsafah Pendidikan yang dapat mencerminkan hasrat dan cita-cita pendidikan di Malaysia bagi menyahut cabaran dan menangani pelbagai masalah pendidikan abad ke 21. Komputer sangat sesuai digunakan dalam pendidikan kerana perkembangan teknologi baru telah menawan satu teknologi maklumat yang berkuasa, bersepadan serta berfungsikan kaedah komputer ini memudahkan penyimpanan dan pencapaian maklumat kepada para pendidik dan pelajar. Komputer juga berperanan sebagai alat yang berkaitan dengan maklumat dan pengetahuan dan para pendidik dan pelajar sangat memerlukan maklumat dan

pengetahuan sebagai kunci kejayaan mereka.

Komputer juga boleh dijadikan sebagai alat bantu mengajar yang berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini boleh dilakukan dengan CAI (Computer Aided Instruction-Arahan Berbantuan Komputer) yang diatur dan mempunyai nilai pendidikan yang tinggi bagi sesuatu mata pelajaran tertentu.

Di Malaysia penggunaan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran bermula pada tahun 1992 apabila Kementerian Pendidikan melengkapkan 60 buah sekolah terpilih dengan 21 buah komputer. Walaupun pendekatan kaedah ini masih baru tetapi boleh member manfaat kepada pelajar. Ini adalah kerana :

Computers in education are revolutionary because they make possible great teaching in a system dedicated to mass education (Thomas Dwyer, 1990 : 3-4)

Memandangkan bidang komputer merupakan satu bidang yang sentiasa mengalami perubahan dari sehari ke sehari, para pendidik seharusnya sentiasa peka terhadap perkembangannya. Ini adalah kerana pengetahuan dalam komputer sangat penting kepada pelajar-pelajar sebaagai persediaan menghadapi zaman sains dan teknologi yang lebih berorientasikan penggunaan komputer

1. 2 Pernyataan Masalah

Kepentingan komputer sebagai alat bantuan mengajar tidak dapat dinafikan. Pembelajaran berdasarkan komputer (Computer Based Learning) merupakan bidang

teknologi pendidikan yang pesat membangun. Disebabkan oleh keperluan pendidikan komputer, Kementerian Pendidikan telah melancarkan satu projek percubaan. " Pengenalan kepada Komputer" untuk semua pelajar tingkatan 4 di 20 buah sekolah di Malaysia pada tahun 1986. Pengajaran komputer mula diperkenalkan di luar kurikulum iaitu melalui kelab-kelab komputer.

Walaupun komputer sangat penting dalam proses pengajaran dan pengajaran, namun masih terdapat sekolah-sekolah atau para pendidik yang bersikap negatif dan tidak peduli terhadap komputer dan peranannya. Dengan itu persoalan-persoalan yang ingin saya kaji meliputi :

- a) Adakah pelajar Tingkatan Satu meminati mata pelajaran Sejarah?
- b) Adakah pelajar menggunakan komputer dalam proses pembelajaran Sejarah Tingkatan Satu?.
- c) Adakah pelajar meminati proses pembelajaran menggunakan komputer dalam mata pelajaran Sejarah Tingkatan Satu?
- d) Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara pencapaian pelajar dengan penggunaan komputer dalam proses dan pembelajaran Sejarah Tingkatan Satu?
- e) Adakah guru Sejarah Tingkatan Satu tahu menggunakan komputer?
- f) Adakah guru Sejarah menggunakan komputer dalam proses pengajaran Sejarah Tingkatan Satu?
- g) Adakah guru Sejarah meminati proses pengajaran menggunakan komputer dalam Sejarah Tingkatan Satu?
- h) Adakah penggunaan komputer dapat membantu proses pengajaran Sejarah Tingkatan Satu?

1. 3 Tujuan Kajian

Tujuan utama kajian ialah untuk :

- a) mengetahui pelajar Tingkatan Satu meminati mata pelajaran Sejarah.
- b) mengetahui samada pelajar Tingkatan Satu menggunakan komputer dalam proses pembelajaran Sejarah Tingkatan Satu.
- c) mengetahui adakah pelajar meminati proses pembelajaran menggunakan komputer dalam Sejarah Tingkatan Satu.
- d) mengetahui adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara pencapaian pelajar dengan penggunaan komputer dalam proses pembelajaran Sejarah Tingkatan Satu.
- e) mengetahui adakah guru Sejarah mempunyai pengetahuan dalam bidang pengkomputeran.
- f) mengetahui adakah guru menggunakan komputer dalam proses pengajaran Sejarah Tingkatan Satu.
- g) mengetahui adakah guru meminati proses pengajaran menggunakan komputer dalam Sejarah Tingkatan Satu.
- h) mengetahui adakah penggunaan komputer dapat membantu proses pengajaran Sejarah Tingkatan Satu.

1. 4 Batasan Kajian

Kajian ini menumpukan kepada penggunaan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah Tingkatan Satu di sekolah-sekolah sekitar Lembah Kelang.

1. 5 Signifikan Kajian

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran sejauhmana penggunaan

komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sejarah Tingkatan Satu di beberapa buah sekolah menengah Lembah Kelang.

Dapatan kajian ini akan mengutarakan adakah pelajar meminati mata pelajaran Sejarah serta berminat menggunakan komputer dalam proses pembelajaran Sejarah Tingkatan Satu.

Kajian ini juga akan mengutarakan adakah guru menggunakan komputer dalam proses pengajaran Sejarah dan sejauhmanakah keberkesanannya

1. 6 Definisi Istilah

Penggunaan

Penggunaan merangkumi meminta bimbingan, nasihat, panduan, tunjuk ajar dan pandangan mengenai masalah-masalah yang ditemui dan yang dikemukakan kepada fasilitator. Penggunaan di sini membawa makna menggunakan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Komputer

Komputer boleh ditakrifkan sebagai satu peranti elektronik yang berkeupayaan menerima arahan, memproses arahan yang dimasukkan, mengeluarkan keputusan mengikut apa-apa yang dikehendaki dan menyimpan maklumat untuk digunakan kemudian.

Sekolah

Sekolah ialah semua institusi pendidikan formal di semua peringkat dari peringkat rendah hingga ke peringkat Universiti.

Pengajaran

Mengikut Kamus Dewan, pengajaran bermaksud perihal mengajar atau segala yang berkaitan mengubah dan mencorak tingkahlaku seseorang.

Pembelajaran

Pembelajaran di dalam konteks ini adalah sama dengan proses dan aktiviti yang bertujuan untuk menghasilkan perubahan dikehendaki di dalam diri seseorang.

Sejarah

Mengikut Muhd Yusof Ibrahim (1977), Sejarah adalah sebagai masa lalu, secara sewenang - wenangnya, dimaksudkan mengandungi semua kejadian dan peristiwa-peristiwa yang telah berlalu. Ia pada dasarnya merupakan semua pengalaman,kejadian serta juga peristiwa dalam kehidupan seseorang individu,pemimpin,institusi,pertubuhan ataupun sesebuah negara.Semua kejadian ataupun peristiwa yang pernah berlaku pada masa lalu adalah sejarah samada ia akan diperingati, yang penting, yang berguna ataupun sebaliknya. Perkara yang berlaku itu adalah sebahagian daripada sejarah kerana ia telah berlaku.